# Pengurusan & Pelaksanaan



## CADANGAN PENGURUSAN & PELAKSANAAN YANG CEKAP DAN BERKESAN

### PENGUKUHAN JENTERA PELAKSANAAN & PENGURUSAN MDT

Majlis Daerah Tumpat (MDT) perlu mengambil langkah pemantauan mutu dan kualiti kerja kakitangan selain mengekalkan kedudukannya sebagai badan pelaksana dan penyelaras projek yang cekap dan tersusun bagi **pelaksanaan Rancangan Tempatan** di kawasan pentadbirannya.

### KERJASAMA DENGAN PIHAK SWASTA DAN AWAM

Penglibatan dan kerjasama sektor swasta adalah penting dalam memastikan pelaksanaan Rancangan Tempatan ini berjaya kerana kerjasama antara MDT dengan pihak swasta dan orang awam akan mewujudkan gabungan pelbagai perkhidmatan yang lebih profesional dan memenuhi Prinsip Agenda 21.

# Sistem Maklumat Geografi

## CADANGAN PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) JAJAHAN

### PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT EKSEKUTIF (EIS)

Merupakan satu aplikasi yang dibangunkan dalam persekitaran web dengan menggunkan platform Autodek Mapguide Open Source yang dinamakan **EIS Web Mapping RT Jajahan Tumpat**. Dibangunkan untuk memudahkan pengguna menggunapakai pangkalan data GIS dengan cepat, mudah dan mesra pengguna.

*Rekabentuk Aplikasi EIS Mapping*




### PENUBUHAN UNIT GIS

Merupakan alternatif kepada pelaksanaan GIS di peringkat Majlis Daerah Tumpat dimana menjadi pusat data yang bertanggungjawab dalam rujukan data oleh semua jabatan yang memerlukannya. Kepelbagaian sumber dan bentuk data inilah yang memerlukan sebuah unit GIS ditubuhkan bagi menyelaras dan menyeragamkan data tersebut dalam bentuk digital.